



TAWARAN

**PELABURAN DAN PEMBANGUNAN DI
LOT 56, PULAU SERATUS, MUKIM
PADANG MATSIRAT, 07000 LANGKAWI
KEDAH DARUL AMAN**

1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) memiliki sebidang tanah di Lot 56, Pulau Seratus, Mukim Padang Matsirat, Langkawi. Lot 56 (Pulau 100 / Pulau Seratus) berkeluasan 2.406 ekar dan tersenarai dalam *Langkawi Investment Guide* berstatus pajakan negeri berbaki 35 tahun. Tanah ini telah dizonkan sebagai Pertanian di bawah Rancangan Tempatan Langkawi (RTDL 2030), namun berpotensi untuk dibangunkan semula bagi aktiviti yang dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi setempat dan Langkawi sebagai Destinasi Pelancongan Bertaraf Dunia.

1.2. Cadangan pembangunan di lokasi ini termasuklah penginapan mewah dan produk pelancongan termasuk jeti, kawasan rekreasi, *chalet/glamping* dan *lookout/sunset deck* menjadikannya sesuai untuk projek ekopelancongan berskala kecil hingga sederhana.

1.3. Lot ini menawarkan potensi premium untuk produk pelancongan *niche* (penginapan mewah, eksklusif, pengalaman alam) serta menekankan elemen eksklusif dan pengalaman unik kepada pelancong berpendapatan tinggi. Lokasinya mempunyai elemen laut/pantai/alam sekitar berupaya meningkatkan nilai tarikan pelancongan baharu kepada Langkawi.

1.4. Potensi Sosioekonomi

1.4.1. Pembangunan di Lot 56 mempunyai potensi besar untuk memperkukuh sektor pelancongan Langkawi melalui pendekatan ekopelancongan dan agro-pelancongan.

1.4.2. Pembangunan di lokasi ini dijangka menjana peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan serta merancakkan aktiviti perusahaan kecil seperti kraftangan, makanan tempatan dan perkhidmatan bot pelancongan. Kesan limpahan ekonomi ini akan membantu meningkatkan pendapatan komuniti dan menggalakkan penglibatan usahawan tempatan dalam industri pelancongan.

- 1.4.3. Selain itu, pembangunan secara terancang dan mesra alam akan menyokong kelestarian ekosistem marin dan daratan, seiring dengan matlamat Langkawi sebagai UNESCO Global Geopark. Secara keseluruhannya, projek ini mampu menjadi pemangkin pertumbuhan sosioekonomi yang seimbang antara pembangunan ekonomi, manfaat sosial dan pemeliharaan alam sekitar.

2. PANDUAN PERMOHONAN KEPADA PIHAK PELABUR

2.1. Tujuan Tawaran

- 2.1.1. LADA ingin mempelawa cadangan daripada Pelabur yang berkeelayakan dan berpengalaman bagi membangunkan Lot 56, Pulau Seratus sebagai projek pelancongan berkonsepkan mampan yang sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa. Melalui tawaran ini, LADA berhasrat menarik penyertaan sektor swasta dalam meneroka potensi ekonomi tanah milik LADA serta mengoptimumkan penggunaan tanah bagi menjana pulangan ekonomi jangka panjang.
- 2.1.2. Bagi memastikan kelancaran proses pembangunan kelak, Syarikat Pelabur dikehendaki untuk memahami kehendak dan keperluan syarat pembangunan oleh LADA, Kerajaan Negeri Kedah, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Pejabat Tanah dan Tanah Langkawi, Jabatan Pengairan dan Saliran serta lain-lain agensi berkaitan. Sepanjang tempoh pelaksanaan, Pelabur yang berjaya perlu bekerjasama dengan pelbagai pihak meliputi jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan.

2.2. Skop Umum

- 2.2.1. Para Pelabur yang berjaya dikehendaki memiliki pemahaman yang mendalam mengenai:

- i) Pelan tapak Lot 56, Pulau Seratus, Mukim Padang Matsirat, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman (seperti di **Lampiran A**);
- ii) Cadangan konsep pembangunan perlu selari dengan hasrat LADA. Walau bagaimanapun, Syarikat Pelabur boleh mencadangkan sebarang pembangunan selagi mana tidak bercanggah dengan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Langkawi 2030; dan
- iii) Keperluan Jabatan / Agensi Teknikal (senarai jabatan / agensi teknikal seperti di **Lampiran B**).

2.3. Tapak Projek

- 2.3.1. Pulau Seratus terletak di atas Lot 56 Seksyen 2, Padang Matsirat, Langkawi berkeluasan 2.406 ekar atau 9,737 meter persegi. Lot tersebut terletak di Barat Laut Langkawi iaitu di dalam kawasan zon pelancongan mewah serta berdekatan dengan produk pelancongan Cable Car, Telaga Harbour, Air Terjun Telaga Tujuh dan hotel-hotel bertaraf 4 hingga 5 bintang. Lokasi tapak terletak 11 kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan 27 kilometer ke Pusat Bandar Kuah.
- 2.3.2. Aksesibiliti yang menghubungkan Pulau Seratus melalui penggunaan pengangkutan bot yang mengambil masa antara 05 hingga 10 minit daripada dua (2) buah jeti sedia ada di kawasan tersebut iaitu Jeti Telaga Harbour dan jeti nelayan Pantai Kok. Pelan lokasi tapak adalah sebagaimana ditunjukkan dalam **Lampiran A**.

2.4. Lawatan Tapak

- 2.4.1. Para Pelabur **digalakkan** untuk menghadiri lawatan tapak yang ditetapkan oleh LADA bagi memahami dengan lebih jelas kawasan

pembangunan dan syarat-syarat penyertaan tawaran pelaburan dan pembangunan di lokasi Pulau Seratus ini.

2.4.2. Maklumat lanjut berhubung lawatan tapak boleh diperoleh daripada Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan LADA.

2.5. Pelaksanaan Projek

2.5.1. Jadual pelaksanaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Bil.	Keterangan	Anggaran Tarikh / Tempoh
i.	Tarikh mula pengiklanan	03 November 2025
ii.	Penyediaan kertas cadangan oleh Syarikat Pelabur	4 minggu
iii.	Lawatan tapak	20 November 2025
iv.	Tarikh tutup pengiklanan	02 Disember 2025
v.	Penyerahan dokumen lengkap kepada Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan LADA (sebagaimana Senarai Semak Pelaburan LADA)	Mulai 03 November 2025
vi.	Penghantaran kertas cadangan dan pembayaran Wang Pemprosesan RM2,000.00 / permohonan	1 minggu
vii.	Tarikh akhir penyerahan dokumen lengkap kepada Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan LADA (sebagaimana Senarai Semak Pelaburan LADA)	09 Disember 2025

**Tarikh adalah mengikut ketetapan LADA dan tertakluk kepada perubahan.*

3. CADANGAN MODEL PELABURAN

3.1. Kaedah Pelaburan: Pajakan

3.1.1. Satu perjanjian akan ditandatangani antara LADA sebagai pemilik tanah dengan Pelabur yang berjaya untuk tempoh pajakan **selama 35 tahun**. Pelabur berjaya:

- i. Dilarang menggunakan tanah tersebut atau mana-mana bahagiannya sebagai cagaran untuk tujuan apa pun, selain mendapat kebenaran bertulis daripada LADA dan syarat utama pajakan adalah untuk tujuan pembangunan yang mengambil kira pelaksanaan projek siap dalam tempoh yang dipersetujui serta beroperasi dalam tempoh perjanjian serta tidak ditinggalkan terbiar (*abandon*);
- ii. Tidak boleh menyewakan atau memindahkan tanah kepada pihak ketiga; dan
- iii. Memulangkan keseluruhan tanah dan bangunan kepada LADA tanpa sebarang kos tambahan selepas tamat tempoh pajakan.

3.2. Kaedah Pelaburan: Lain-Lain Kaedah

- 3.2.1. Syarikat Pelabur boleh mengemukakan cadangan-cadangan lain kontrak untuk pertimbangan LADA. Tempoh kontrak adalah bergantung pada kaedah pelaburan yang dicadangkan antara 20-35 tahun.
- 3.2.2. Syarikat Pelabur juga dialu-alukan untuk membangunkan dan menguruskan cadangan projek secara usaha sama dengan syarikat tempatan / Anak Syarikat LADA / komuniti tempatan melalui koperasi yang turut mendapat manfaat daripada projek ini. Walau bagaimanapun, cadangan kaedah pelaburan dan tempoh kontrak adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah LADA.

4. SYARAT DAN TERMA UTAMA

- 4.1. Syarikat Pelabur yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani perjanjian secara rasmi dengan LADA. Mana-mana syarikat yang menubuhkan *Special Purpose Vehicle* (SPV) bagi menyertai projek ini akan diikat melalui *Corporate Guarantee Agreement* dengan LADA.

4.2. Pelabur dikehendaki untuk membayar **RM2,000.00 / per permohonan** melalui EFT / *bank draft* / kiriman wang sebagai yuran pemprosesan kepada Bahagian Kewangan LADA semasa mengemukakan kertas cadangan dan dokumen sokongan yang diperlukan.

4.3. Pelabur dikehendaki melengkapkan Senarai Semak Pelaburan LADA seperti di **Lampiran C** serta mengemukakan dokumen lengkap berserta Kertas Cadangan Pelaburan dan Pembangunan Pulau Seratus kepada LADA.

4.4. Syarikat Pelabur yang berjaya harus menyertakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk *Bank Guarantee* (BG) yang dikeluarkan oleh bank atau institusi kewangan berdaftar dan beroperasi di Malaysia dengan kadar seperti berikut:

Bil.	Kos Pembangunan	Kadar
1.	RM500 juta dan ke atas	2%
2.	RM0 – RM499 juta	5%

4.5. Bon Pelaksanaan dalam bentuk *Bank Guarantee* (BG) tersebut haruslah dipastikan sah daripada tarikh dikeluarkan sehingga tarikh tidak kurang dari 12 bulan selepas tamat projek. Jika didapati Pelabur projek gagal untuk menamatkan projek dalam tempoh yang ditetapkan atau menarik balik cadangan semasa tempoh yang ditetapkan atau melebihi tempoh yang ditetapkan Bon Pelaksanaan ini tidak akan dikembalikan.

4.6. Wang Komitmen akan dikenakan kepada Pelabur yang disenarai pendek seperti ketetapan berikut:

Gross Development Cost (GDC) RM	Bayaran Wang Komitmen	
	Kadar (%)	Wang Komitmen RM
Sehingga 100 Juta	-	20,000.00
100 Juta berikutnya	0.05	Maksimum 500,000.00
100 Juta berikutnya	0.04	Maksimum 400,000.00
100 Juta berikutnya	0.03	Maksimum 300,000.00
100 Juta berikutnya	0.02	Maksimum 200,000.00
100 Juta berikutnya	0.01	Maksimum 100,000.00
Melebihi 1 Billion	RM 1 Juta bagi setiap tambahan RM1 billion GDC	

- 4.7. LADA berhak meminda dari semasa ke semasa spesifikasi dan butir-butir yang dinyatakan di dalam dokumen tawaran dan Pelabur mestilah bersetuju dengan pindaan yang telah dilakukan.
- 4.8. Pelabur harus bersetuju dan memahami bahawa sekiranya penawaran ini gagal dan perjanjian masih belum ditandatangani, tiada sebarang tindakan boleh diambil ke atas LADA, atau meneruskan apa-apa tindakan terhadap LADA.
- 4.9. Pajakan kecil (*sub-lease*) hendaklah mendapatkan kebenaran LADA dan hanya setelah Pelabur didaftarkan sebagai pemegang pajakan.
- 4.10. Syarikat Pelabur yang berjaya akan diikat melalui *Lease Agreement Cum With Development Agreement* dengan LADA.
- 4.11. Syarikat Pelabur yang disenarai pendek akan dikenakan wang jaminan pelaksanaan projek ke atas syarikat sebanyak 5% daripada *Gross Development Cost* (GDC).
- 4.12. Bebanan ke atas tanah perlu diberi perhatian oleh Pelabur kerana untuk membuka sekatan kepentingan dan kelulusan pengisytiharan Melayu perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri yang melibatkan masa dan kos yang tinggi.
- 4.13. Tanah tidak boleh dicagar kepada bank tanpa mendapat kebenaran daripada LADA.
- 4.14. Pelabur tidak digalakkan memberi surat wakil kuasa (*P.A*) kerana LADA perlu memantau pelaksanaan projek sepertimana yang dipersetujui. Pemberian surat kuasa wakil (*PA*) ada budi bicara mutlak pihak LADA, ini kerana LADA perlu memantau pelaksanaan projek ini sepertimana yang dipersetujui.
- 4.15. Pelaksanaan projek fizikal mestilah bermula dalam tempoh enam (6) bulan pertama selepas perjanjian ditandatangani dengan mengemukakan draf pelan

Kebenaran Merancang untuk semakan. Keseluruhan projek hendaklah disiapkan maksima dalam tempoh 5 tahun. Pendaftaran projek akan dibuat berdasarkan fasa pembangunan.

- 4.16. Bayaran pajakan adalah dalam bentuk tunai dan boleh dipertimbangkan dalam bentuk *in-kind* (nilai perlu setara atau lebih) tetapi tidak melebihi 30% daripada harga nilai pajakan yang ditetapkan.
- 4.17. Perjanjian boleh ditamatkan sekiranya syarikat gagal mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam perjanjian, 10% daripada amaun pajakan yang telah dibayar akan dikenakan dan tidak akan dikembalikan.
- 4.18. Caj penalti lewat bayar akan dikenakan 10% setahun.
- 4.19. Pemantauan projek akan dipantau oleh LADA sehingga siap berdasarkan *timeline* yang dipersetujui dalam perjanjian. Syarikat perlu mengemukakan laporan status kemajuan projek setiap bulan dan menghadiri mesyuarat bersama LADA sekiranya dipanggil.
- 4.20. Permohonan Kebenaran Merancang (KM) perlu melalui LADA.
- 4.21. Syarikat Pelabur perlu memastikan status syarikat berstatus Melayu berdasarkan **Enakmen Rizab Melayu Kedah 1930**.
- 4.22. Bayaran pajakan berdasarkan **Dasar Strategik Pajakan dan Pengurusan Aset (DSPPA) LADA**:

Peratus	Tempoh/Masa
30%	Ketika perjanjian ditandatangani
30%	Dalam tempoh satu (1) tahun selepas perjanjian ditandatangani
40%	Dalam tempoh dua (2) tahun selepas perjanjian ditandatangani

- 4.23. LADA akan memastikan proses pendaftaran pajakan dimulakan jika bayaran dibuat berdasarkan jadual dan syarat di atas telah dipenuhi oleh Syarikat Pelabur.

5. SYARAT DAN TERMA LAIN BERKAITAN

- 5.1. Kegagalan Syarikat yang berjaya untuk mematuhi semua keperluan yang telah ditetapkan dalam dokumen tawaran Pelaburan dan Pembangunan di Lot 56, Pulau Seratus, Mukim Padang Matsirat ini merupakan asas yang kukuh bagi pembatalan penganugerahan tersebut.
- 5.2. Syarikat Pelabur dipelawa untuk mengemukakan kertas cadangan berdasarkan keperluan yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Kegagalan untuk mengemukakan sebarang maklumat yang dikehendaki akan menyebabkan cadangan ditolak.
- 5.3. Syarikat Pelabur juga perlu menanggung segala kos yang berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan dokumen tawaran ini.
- 5.4. Satu (1) *softcopy* dan satu (1) salinan bercetak perlu dikemukakan ke alamat berikut:
- Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan
Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 7, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra
07000 Langkawi
Kedah Darul Aman
(u.p: Pengurus)
- 5.5. Cadangan yang diterima selepas masa dan tarikh tutup tidak akan dilayan.
- 5.6. Penyerahan harus dilakukan dengan menggunakan sampul bertutup dan ditulis dengan jelas di sebelah atas kanan sampul **“Tawaran Pelaburan dan Pembangunan di Lot 56, Pulau Seratus, Mukim Padang Matsirat, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman”**.


- 5.7. Semua kertas cadangan dan dokumen sokongan mestilah menggunakan Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris sahaja.
- 5.8. Semua cadangan mestilah ditaip menggunakan kertas A4 (8.27" x 11.69"). Walau bagaimanapun, pelan dan lakaran boleh menggunakan saiz kertas yang bersesuaian. Setiap bahagian perlu dimulakan pada muka surat baru dan dilabel sewajarnya. Setiap muka surat juga perlu dinomborkan mengikut turutan.
- 5.9. Syarikat Pelabur perlu menandatangani borang Surat Akuan Pelabur seperti di **Lampiran D** dan salinan asal perlu dikembalikan semula kepada Bahagian Pelaburan dan Pemudahcara Perniagaan LADA.
- 5.10. Sebarang cadangan penambahan dan alternatif adalah dialu-alukan sekiranya masih dalam skop dokumen tawaran ini.
- 5.11. Syarikat Pelabur boleh mengemukakan cadangan secara persendirian ataupun bekerjasama dengan syarikat lain. Walau bagaimanapun, peranan dan tanggungjawab Syarikat perlu dinyatakan dengan jelas.
- 5.12. LADA mempunyai hak sepenuhnya untuk menerima ataupun menolak cadangan yang telah dikemukakan dan tidak terikat dalam apa-apa cara sekalipun untuk memberi projek ini kepada seseorang ataupun syarikat yang mengemukakan cadangan. LADA juga tidak perlu untuk memberi sebarang sebab atau alasan untuk penolakan cadangan yang diterima.
- 5.13. Setelah Surat Tawaran dikeluarkan, maklumat berkaitan dengan kandungan, penilaian, perbandingan cadangan serta syor mengenai penganugerahan kontrak adalah sulit dan tidak harus didedahkan kepada mana-mana individu atau Syarikat yang tidak terlibat secara langsung dengan projek ini.
- 5.14. Hanya Syarikat yang berjaya untuk tawaran ini sahaja akan dimaklumkan status. Bagi Syarikat yang tidak berjaya, tiada sebarang makluman status diberitahu.

- 5.15. LADA tidak perlu untuk memaklumkan atau memberikan maklumat lanjut mengenai proses pemilihan kepada mana-mana Syarikat yang berjaya atau tidak berjaya.
- 5.16. Dokumen tawaran bukan merupakan satu (1) bentuk tawaran atau kontrak dan tidak mengikat pihak-pihak bagi cadangan pengurusan *Ayer Hangat Village*.
- 5.17. LADA tidak akan menanggung apa-apa kos, ganti rugi atau pampasan daripada penyediaan dokumen tawaran ini.
- 5.18. Fakta dan maklumat yang terkandung di dalam dokumen tawaran ini adalah benar sewaktu ia dikemukakan dan dengan ini LADA tidak akan melayan sebarang pertikaian dan tidak akan bertanggungjawab mengenai ketepatan dan kebenaran bagi sebarang fakta dan maklumat yang terkandung dalam dokumen tawaran ini.

LAMPIRAN A



MAKLUMAT HARTANAH

- i. Pelan Tapak Lot 56, Pulau Seratus, Mukim Padang Matsirat, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman**



LAMPIRAN A

ii. Pelan Lokasi Tapak Lot 56, Pulau Seratus, Mukim Padang Matsirat, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman



LAMPIRAN A

iii. Keadaan Semasa di Tapak

- ✓ Pulau Buatan berfungsi sebagai benteng pemecah ombak
- ✓ Tanah kosong

iv. Maklumat Tanah

Lot	56 Seksyen 2
Keluasan	2.41 ekar (9,737 meter persegi)
Kategori Penggunaan	Pertanian
Pegangan	Pajakan Negeri (60 tahun) Tamat pajakan (10 Ogos 2065) Baki pajakan : 35 Tahun
Kawasan Warta	Rezab Melayu
Cukai Tanah	RM92.00

SENARAI JABATAN / AGENSI TEKNIKAL

1. Bahagian Perancangan, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
2. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP)
3. Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi (PDTL)
4. Jabatan Kerja Langkawi (JKR)
5. Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)
6. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)



**BAHAGIAN PELABURAN DAN PEMUDAHCARA
PERNIAGAAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI**

SENARAI SEMAK PELABURAN

Syarikat :
Projek :
Jenis Pelaburan: Pajakan/ Sewaan / JV / lain-lain
Tarikh Terima :

No.	Perkara	Ada	Tiada
1	Latar Belakang Syarikat a. Surat Tunjuk Minat b. Profail Syarikat c. Maklumat " <i>Corporate Information</i> " Yg Dicetak Daripada SSM	☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐
2	Cadangan Teknikal a. Cadangan Projek (Termasuk Perincian Komponen Cadangan Pembangunan) Berserta Ilustrasi Reka Bentuk Projek (2 salinan beserta salinan <i>softcopy</i>) b. Cadangan Tempoh Pelaksanaan Projek / <i>Timeline</i> c. Senarai Pengalaman Syarikat Yg. Berkaitan (<i>Ongoing/Completed</i> Dalam Tempoh 5 Tahun Terkini) d. Senarai Pasukan Projek / Bilangan Kakitangan Operasi Pengurusan Yang Akan Terlibat e. <i>Market Study</i>	☐ ☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐ ☐
3	Cadangan Kewangan a. Kos Pelaburan (GDC) b. Unjuran Kewangan Projek Bagi Tempoh 10 Tahun c. Model Kewangan (<i>Return On Investment (ROI), Payback Period, Net Present Value (NPV), Present Value (PV), Internal Rate Of Return (IRR), Weighted Average Cost of Capital (WACC)</i>) d. Penyata Kewangan Terkini Yg. Telah Diaudit (3 tahun) (<i>Income Statement, Balance Sheet, Cash Flow</i>) (Sila sertakan maklumat kewangan bagi <i>JV partner</i> sekiranya melibatkan <i>Joint Venture</i>)	☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐
4	Kemampuan Syarikat a. Sumber Pembiayaan & Jaminan Pembiayaan oleh Bank b. Bukti Kewangan Penyata Bank (<i>Bank Statement</i>) (3 bulan terkini)	☐ ☐	☐ ☐
5	Output, Outcome dan Impak Pelaksanaan Projek (i.e Peluang Pekerjaan, Alam Sekitar)		
6	Surat Akuan Pembida (ditandatangani)		
7	Wang Pemprosesan RM2,000/permohonan (Dasar Strategik Pajakan dan Pengurusan Aset)		
8	Wang Komitmen (<i>Mengikut kadar semasa yang ditetapkan</i>) -Selepas berjaya melepasi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan, Pelaksanaan dan Penilaian Risiko Projek LADA.		

Pegawai Yang Menyemak:

.....
()
Tarikh :



SURAT AKUAN PELABUR

Latar Belakang Syarikat

1. Nama Syarikat : _____

2. No. Pendaftaran : _____

3. Tarikh Penubuhan Syarikat : _____

4. Jenis Perniagaan Syarikat : _____

5. Alamat Syarikat

5.1 Ibu Pejabat : _____

5.2 Cawangan : _____

6. Nombor Untuk Dihubungi

6.1 No. Telefon : _____

6.2 No. Faks : _____

6.3 Alamat E-mel : _____

7. Modal Berbayar Syarikat (Isi mana yang berkaitan)

7.1 Perseorangan/Perkongsian: RM _____

7.2 Sendirian Berhad/Berhad :

a. Modal Dibenar : RM _____

b. Modal Dibayar : RM _____

8. Jenis dan Butiran Pemilikan Syarikat

8.1 Perseorangan :

a. Nama Pemilik : _____

b. No. K/P : _____

8.2 Perkongsian :

Nama Pekongsi	Nombor Kad Pengenalan	Peratus Perkongsian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

8.3 Sendirian Berhad/Berhad :

Nama Pemegang Saham	Nombor Kad Pengenalan	Peratus Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

9. Senarai Ahli Lembaga Pengarah

Nama	Nombor Kad Pengenalan

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

10. Maklumat Mengenai Pengurusan Atasan

Nama	Jawatan	Tempoh Perkhidmatan Dalam Syarikat

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

11. Bilangan Pekerja

11.1 Tempatan : _____ orang

11.2 Asing : _____ orang